

**UNIFIKASI KALENDAR ISLAM GLOBAL DALAM PERSPEKTIF USUL FIQH**  
**THE UNIFICATION OF GLOBAL ISLAMIC CALENDAR IN THE PERSPECTIVE OF USUL**  
**FIQH**

<sup>1</sup>\*Mualimin Mochammad Sahid, <sup>1</sup>Baidar Mohammed Hassan, <sup>2</sup>Syed Mohammad Chaedar  
<sup>3</sup>Iswandi Harahap Burhanuddin

<sup>1</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan,  
Malaysia

<sup>3</sup>Kulliyah of Syariah and Laws, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil,  
Kedah, Malaysia

\* (Corresponding author's email): [mualimin.sahid@usim.edu.my](mailto:mualimin.sahid@usim.edu.my)

**ABSTRAK**

Wujudnya penyatuan (unifikasi) kalendar Islam global menjadi harapan umat Islam sebagai upaya menyeragamkan permulaan bulan dalam kalendar Hijrah. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk menyatukan pandangan dan pendekatan dalam kaedah menentukan permulaan bulan Islam serta menghapuskan perbezaan yang berlaku di antara negara-negara Islam. Ini berlaku disebabkan perbezaan dalam menentukan awal bulan Islam menerusi dua (2) kaedah yang berlainan, iaitu kaedah *rukayah* dan *hisab*. Artikel ini akan membincangkan kaedah Usul Fiqh sebagai landasan dan rujukan bagi merungkai punca perbezaan yang berlaku dan boleh dijadikan panduan bagi merungkai isu perbezaan tersebut. Diantara kaedah yang boleh dirujuk adalah kaedah: "Hukum bergantung kepada 'illat' (*Al-Hukm Yaduru Ma'a 'illatihi Wujudan wa 'Adaman*), disamping prinsip-prinsip usul fiqh lain seperti yang berkaitan dengan *Dilalat al-Isyarah*, *Al-'Illat al-Gha'iyah* (Maqasid Syariah), dan juga *Taghayyur al-Ahkam Bi Taghayyur al-Zaman*. Metodologi kajian yang digunakan dalam mengupas isu ini adalah berdasarkan kajian kepustakaan dengan mengumpulkan data-data premier dan sekunder tentang isu *rukayah al-hilal* dan penentuan permulaan bulan Hijrah, serta kaedah Usul Fiqh yang berkaitan, seterusnya menganalisa isu-isu ini berdasarkan kajian analisa dan perbandingan. Kajian mendapati bahawa memahami hukum suatu permasalahan dengan merujuk teks (*nas*) berdasarkan konteks (makna) bersamanya adalah penting. Berdasarkan kajian ini juga didapati bahawa usaha menyatukan penetapan permulaan awal bulan Hijrah atau unifikasi kalendar islam di kalangan umat islam seluruh dunia tidak dapat dilakukan kecuali dengan menerima kaedah *hisab* dan bukan *rukayah* seperti mana dalam menggunakan kaedah *hisab* untuk menentukan waktu-waktu solat.

**Keywords:** unifikasi, kalendar islam, takwim, hisab, rukyah, hilal, usul fiqh

**ABSTRACT**

*The unification of the global Islamic calendar is the hope of Muslims as an effort to standardize the beginning of the month in the Hijrah calendar. Various efforts have been made to unify views and approaches in the method of determining the beginning of the Islamic month and eliminate the differences that occur between Islamic countries. This happens due to differences in determining the beginning of the Islamic month through two (2) different methods, namely the rukyah and hisab methods. This article will discuss the Usul Fiqh method as a basis and reference to clarify the causes of differences that occur, and it can be used as a guide to unravel the issue of differences. Among the methods that can be referred to is the method: "Law depends on 'illat' (*Al-Hukm Yaduru Ma'a 'illatihi Wujudan wa 'Adaman*), in addition to other fiqh principles such as those related to *Dilalat al-Isyarah*, *Al-'Illat al-Gha'iyah* (Maqasid Syariah), and also *Taghayyur al-Ahkam Bi Taghayyur al-Zaman*. The research methodology used in examining this issue is based on a literature review by collecting primary*

*and secondary data on the issue of rukyat al-hilal and the determination of the beginning of the Hijrah month, as well as some related Usul Fiqh methods, then analyzing these issues based on analysis and comparison studies. The study found that understanding the law of an issue by referring to the text (dalil) based on the context (meaning) with it is important. Based on this study, it was also found that efforts to unify the determination of the beginning of the Hijrah month or the unification of the Islamic calendar among Muslims around the world cannot be done except by accepting the Hisab (calculation of astronomy) method and not Rukyah as used the calculation method in determining daily prayer times.*

**Keywords:** *unification, calendar, takwim, hisab, rukyah, hilal, usul fiqh*

## **PENDAHULUAN**

Penyatuan atau Unifikasi kalendar Islam global adalah satu gagasan yang bertujuan untuk mewujudkan satu Takwim (kalendar) Islam yang diakui dan digunakan secara global oleh umat Islam di seluruh dunia. Meskipun umat Islam secara umum mengikuti kalendar Hijrah, yang merujuk kepada pergerakan bulan, terdapat pelbagai jenis dan variasi dalam pengamalan kalendar ini di pelbagai negara dan masyarakat Muslim. Wujudnya kepelbagaian ini dapat menyebabkan beberapa cabaran dan kekeliruan. Justeru, keperluan adalah sangat mendesak bagi wujudnya penyatuan (unifikasi) kalendar Islam global (Angkat, 2017).

Di antara faktor yang menjadikan penyatuan ini penting adalah beberapa perkara, seperti: persatuan umat Islam, kerana kalendar Islam global ini akan dapat memperkuat persatuan dan solidariti umat Islam di seluruh dunia. Dengan memiliki satu kalendar yang sama, umat Islam dari pelbagai belahan dunia dan budaya dapat merayakan hari-hari penting seperti puasa di bulan Ramadan, merayakan hari raya Aidilfitri dan Aidiladha secara bersama-sama. Perkara ini dapat memperkuat ikatan keagamaan dan persatuan antara umat Islam di seluruh dunia.

Disamping itu, kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial dapat ditingkatkan dengan adanya kalendar Islam yang seragam. Jelas dan tetapnya tarikh-tarikh penting seperti cuti am dapat membantu dalam perancangan ekonomi, jadual perjalanan, dan aktiviti perniagaan lainya. Seterusnya akan dapat memudahkan dan melancarkan perdagangan, pelaburan, dan pertukaran budaya diantara negara-negara Muslim.

Dengan adanya kalendar Islam Global, akan mempermudah proses penyelarasan dalam urusan ibadah dan aktiviti keagamaan. Sebagai contoh dalam menentukan awal dan akhir bulan Ramadan, memastikan hari-hari penting agama seperti Lailatul Qadr, hari raya, hari Arafah dan juga dalam mengatur perjalanan haji. Dengan wujudnya kalendar yang seragam, umat Islam di seluruh dunia dapat melakukan perancangan yang lebih baik untuk beribadah dan menghadiri aktiviti keagamaan (Husna, 2022).

Perbezaan serantau atau antarabangsa berkaitan pelaksanaan ibadah seperti puasa dan haji yang berlaku hampir setiap tahun, akan dapat diselesaikan dengan adanya kalendar Islam global. Oleh itu, umat Islam di seluruh dunia dapat merayakan momen-momen penting keagamaan secara bersama-sama dan dengan aman damai tanpa wujudnya lagi perbezaan yang kadang-kadang berlaku diantara masyarakat di satu kawasan.

Walaupun bagaimanapun, untuk mewujudkan penyatuan kalendar Islam sedunia seperti yang diharapkan oleh umat Islam adalah tidak mudah. Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi bagi upaya memiliki kalendar yang seragam ini. Ini kerana, setiap usul dan cadangan untuk mewujudkan unifikasi kalendar Islam global memerlukan pertimbangan dari segi sejarah, astronomi, dan juga budaya yang berbeza-beza di pelbagai negara. Diperlukan satu keputusan dan kesepakatan (konsensus) yang luas dari pelbagai autoriti (penguasa) keagamaan dan komuniti Muslim di seluruh dunia untuk mewujudkan unifikasi tersebut (Anwar, 2016b).

## **SEJARAH DAN KEPENTINGAN KELENDAR ISLAM**

Kalendar Islam, yang juga dikenali sebagai Kalendar Hijrah, adalah satu sistem takwim (kalendar) yang digunakan oleh umat Islam. Sejarah kalendar Islam ini dimulai pada tahun 622 Masihi, ketika Nabi Muhammad SAW berhijrah dari kota Mekah ke kota Madinah.

Sebelum adanya kalendar Islam, bangsa Arab telah menggunakan sistem takwim yang berbeza-beza, mengikut suku atau kabilah yang mereka ikuti. Salah satu sistem takwim yang biasa digunakan saat itu adalah takwim berdasarkan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah suku-suku Arab, seperti tahun-tahun di mana berlakunya peperangan atau perjanjian-perjanjian penting dalam sejarah umat Islam terdahulu.

Dalam sejarahnya, disaat Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah, umat Islam berhadapan dengan masalah menentukan tarikh yang konsisten dan universal. Maka pada tahun 638 Masehi, Khalifah Umar ibn al-Khattab adalah orang pertama yang memutuskan untuk menetapkan tahun Hijriyah sebagai titik awal kalendar rasmi umat Islam. Sejak saat itu, kalendar Hijrah telah digunakan secara meluas oleh umat Islam di seluruh dunia untuk menentukan tarikh-tarikh penting, seperti awal bulan Ramadan, Hari Raya Aidilfitri, Hari Arafah dan Hari Raya Aidiladha dan lain-lain.

Maka daripada peristiwa hijrah inilah kalendar Islam yang digunakan sehingga ke hari ini dibangunkan. Tahun pertama dalam kalendar Islam disebut sebagai "tahun Hijriyah" dan dimulai pada tarikh 1 Muharram dan diakhiri dengan tarikh 29 atau 30 Zulhijah. Dalam sistem kalendar Islam ini, kiraan dan perhitungan bulan dan tahun mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan berbeza dengan kalendar masihi, seperti kiraan jumlah hari. Ini kerana kalendar Hijrah menggunakan sistem takwim *qamari* (bulan) berdasarkan pengamatan hilal yang berlaku setiap bulan yang boleh dilihat kemunculannya anak bulan baru ini pada setiap bulan di langit malam.

Jika dibandingkan dengan sistem kalendar masihi atau yang dikenali sebagai kalendar Gregorian, jumlah tahun dalam kalendar Hijrah lebih pendek daripada tahun dalam kalendar masihi yang digunakan secara meluas di seluruh dunia. Tahun Hijrah terdiri daripada 12 bulan dengan total jumlah hari adalah 354 atau 355 hari, sedangkan tahun masihi memiliki jumlah hari sebanyak 365 atau 366 hari. Oleh kerana itu, pergeseran tahun dalam kalendar Islam terhadap tahun Gregorian berlaku seiring berjalannya waktu (Syarif, 2018).

## **PERBEZAAN MENENTUKAN AWAL BULAN ISLAM (RAMADHAN, SYAWAL DAN ZULHIJAH)**

Penentuan awal bulan Hijrah dalam kalendar Islam adalah bergantung kepada kaedah yang digunakan oleh autoriti keagamaan dan juga perbezaan dalam pendekatan yang ada di pelbagai negara dan institusi tertentu. Jika diringkaskan, terdapat beberapa perbezaan dalam menentukan awal bulan Hijrah, diantaranya adalah seperti berikut:

### ***Pertama:*** Kaedah melihat anak bulan (hilal) atau *Rukyah*

Beberapa autoriti keagamaan merujuk dan menggunakan kaedah mengamati secara langsung anak bulan bagi menentukan permulaan bulan-bulan Islam. Mereka mencari dan menentukan tanda-tanda awal bulan dengan mengamati anak bulan setelah terbenamnya matahari pada akhir bulan sebelumnya. Jika hilal boleh nampak, maka awal bulan Hijrah yang baru akan diputuskan. Kaedah ini mencerminkan pendekatan tradisional yang telah digunakan selama berabad-abad oleh sebahagian umat Islam (Nawawi et al., 2015).

### ***Kedua:*** Kaedah Kiraan Astronomi Islam (falak) atau *Hisab*

Kaedah ini menggunakan perhitungan (hisab) astronomi dan matematik untuk memperkirakan munculnya anak bulan (hilal). Pihak berkuasa agama menggunakan parameter astronomi seperti umur bulan, kedudukan matahari dan bulan bagi menghitung awal bulan Hijrah. Kaedah ini memungkinkan kiraan lebih awal dan memperkirakan awal bulan dengan kadar ketepatan yang tinggi. Walaubagaimanapun, kaedah ini juga menimbulkan perbezaan yang panjang dalam menentukan awal bulan Islam di kalangan pihak-pihak berkuasa keagamaan di pelbagai negara (Shazwani et al., 2023). Berdasarkan dua kaedah utama ini, dan putusan fatwa, pihak berkuasa agama di pelbagai belahan dunia menentukan awal bulan Islam untuk masyarakatnya. Justeru, beberapa negara atau institusi agama yang berkuasa mempunyai kuasa bagi memutuskan dan menetapkan awal bulan Hijriah. Oleh kerana pihak yang satu memilih kaedah Rukyah, dan pihak lain menggunakan kaedah Hisab, maka berlakulah perbezaan dalam menentukan awal bulan Islam diantara negara atau lembaga keagamaan. Sebagai akibatnya, umat Islam di tempat tersebut akan mengikut keputusan pihak berkuasa dan perbezaan

tarikh Islam pun tidak dapat dielakkan. Walaubagaimanapun, perbezaan dalam menentukan awal bulan Hijriah ini bukanlah satu perbezaan dalam substansi agama Islam itu sendiri, tetapi ia lebih kepada perbezaan interpretasi (penafsiran) dan pendekatan dalam menentukan waktu berdasarkan kalendar Hijriah mengikut kaedah tertentu.

## UPAYA MENYATUKAN KALENDAR ISLAM GLOBAL

Upaya untuk menyatukan kalendar Islam global telah menjadi perdebatan panjang yang telah berlangsung selama bertahun-tahun lamanya tanpa ada solusi dan jalan keluarnya sehingga ke hari ini. Salah satu cabaran utama dalam menyatukan kalendar Islam global adalah menyatukan kaedah dalam menentukan awal bulan baru atau bulan Hijriah, sama ada menggunakan kaedah Rukyah ataupun Hisab (Husna, 2022).

Terdapat beberapa organisasi dan badan-badan Islam di pelbagai negara telah mencuba sedaya upaya bagi menyatukan kalendar Islam global dengan memperkenalkan kaedah saintifik dalam perhitungan matematik. Mereka menggunakan perhitungan astronomi dan kaedah ilmiah yang lebih canggih untuk memperkirakan munculnya anak bulan di seluruh dunia untuk menentukan awal bulan baru dalam kalendar Islam. Golongan ini lebih memilih untuk menggunakan kaedah Hisab bagi mewujudkan tujuan tersebut. Namun, tidak kurang juga terdapat sebahagian golongan yang berpegang teguh dengan kaedah Rukyah berdasarkan kemungkinan kenampakan anak bulan yang dikenali sebagai kaedah Imkanurrukyah (KIR). Justeru, sehingga ke hari ini, perbezaan ini terus berlaku dan menimbulkan perbezaan dalam melaksanakan waktu beribadah seperti puasa dan haji.

Sampai saat ini, belum ada kesepakatan (konsensus) dan kata putus yang dicapai bagi upaya menyatukan kalendar Islam global. Perbezaan budaya, tradisi, dan sudut pandang diantara pelbagai masyarakat Muslim di seluruh dunia adalah diantara punca tiada kesepakatan antarabangsa yang dicapai bagi menyatukan kalendar Islam global tersebut. Isu ini masih terus diperdebatkan, dan upaya terus dilakukan bagi mendapatkan solusi yang dapat diterima oleh semua pihak.

## DALIL USUL FIQH SEBAGAI RUJUKAN MENYATUKAN KELENDAR ISLAM GLOBAL

Diantara dalil dan rujukan yang digunakan dalam menguatkan pandangan menyatukan kalendar Islam global menggunakan kaedah Hisab adalah seperti berikut:

### *Pertama: Dilalat Al-Isyarah*

*Dilalat Al-Isyarah* adalah hukum yang diambil atas isyarat ayat bukan dari makna ayat yang sedang diperbincangkan.

Ia bermaksud juga apa yang ditunjukkan oleh lafaz bagi sebuah hukum secara tidak langsung, akan tetapi merupakan kelaziman bagi erti yang diucapkan dan diungkapkan untuk maksud tersebut. Oleh itu, *Dilalat Al-Isyarah* sesungguhnya adalah petunjuk lafaz atas sesuatu yang bukan dimaksudkan untuk erti menurut asalnya, atau disebut juga erti yang tersirat, bukan atas yang tersurat (Muhammad, 2000).

Dalam petikan ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan ilmu astronomi (falak) dan fenomena alam khususnya pergerakan benda-benda di angkasa seperti bulan dan matahari adalah firman Allah SWT dalam surah Ar-Rahman ayat 5 dan Surah Yunus ayat: 5

*"Matahari dan bulan beredar menurut perhitungan" (Surah Ar-Rahman :5).*

*"Dialah yang menjadikan matahari bersinar dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menetapkan tempat-tempat orbitnya, agar kamu mengetahui bilangan tahun, dan perhitungan (waktu) (Surah Yunus:5)*

Kedua ayat ini menunjukkan bahawa matahari dan bulan memiliki sistem peredaran yang ditetapkan oleh Sang Pencipta Allah SWT dan peredarannya itu dapat dihitung. Penegasan bahawa peredaran matahari dan bulan dapat dihitung adalah bukan sekadar informasi biasa tanpa ada tujuan. Yang sebenarnya adalah terdapat maksud yang dikandung dalam ayat tersebut iaitu ia adalah suatu isyarat agar digunakan dan dimanfaatkan untuk penentuan bilangan tahun dan perhitungan waktu secara umum.

Kedua ayat ini juga merupakan perintah menggunakan hisab dalam menentukan awal bulan Kamariah atau Hijriah. Hal ini dapat difahami dari kedua ayat tersebut bahawa ia merupakan pesan perintah untuk melakukan perhitungan. Kerana, kalau ia adalah sekadar memberikan maklumat berkaitan gerak benda langit seperti matahari dan bulan dapat dihitug, maklumat ini dianggap tidak penting. Jikalau tidak dimakluman pun, peredaran dan pergerakan bulan dan matahari itu telah jelas dan difahami. Namun, dengan menelusuri dan merujuk dail *dilalat al-isjarah* didapati satu pesan dan makna penting bahawa diperlukan untuk menggunakan akal bagi menghitung (hisab) peredaran dan pergerakan matahari dan bulan ini (Anwar, 2016a).

**Kedua:** Kaedah Usul Fiqh "*Al-Hukmu Yaduru Ma'a Illatihi Wujudan Wa 'Adaman (ta' lil al-ahkam)*" Kaedah ini bermaksud bahawa hukum itu bergantung kepada 'illat (sebab/punca) nya, jika 'illat ada, maka hukum juga ada, dan jika ia tiada, maka hukum juga tiada. (Azhari, 2014) Kaedah ini dirujuk sebagai dalil yang menguatkan upaya menyatukan kalendar Islam Global menggunakan kaedah Hisab berdasarkan dua (2) hadis berikut dan juga penjelasannya.

1. "*Berpuasalah kamu dengan melihat hilal dan berbukalah kamu dengan melihatnya juga. Tetapi bila ada awan yang menghalangi, maka genapkanlah hitungan dan janganlah menyambut bulan baru.*" (HR. An-Nasa'i dan Al-Hakim)
2. "*Sesungguhnya kami adalah umat ummiyah. Kami tidak mengenal kitabah (tulis-menulis) dan tidak pula mengenal hisab. Bulan itu seperti ini (beliau berisyarat dengan bilangan 29) dan seperti ini (beliau berisyarat dengan bilangan 30).*" (HR. Bukhari dan Muslim) (al Maqdisi, n.d.)

Berdasarkan kaedah *Ta' lil Al-Ahkam*, hadis yang pertama, terdapat satu perintah yang dapat disimpulkan bahawa perintah untuk melakukan rukyah (melihat bulan dengan mata) adalah satu perintah yang ber-illat (bersebab).

Beberapa ulama seperti Rasyid Ridho dan Mustafa Az-Zarqa, berpendapat bahawa 'illat (sebab) perintah rukyah ini adalah kerana umat pada zaman Nabi SAW adalah umat yang *ummi*, tidak kenal baca dan tulis, serta tidak memungkinkan untuk melakukan hisab (menghitung berdasarkan ilmu astronomi), seperti yang ditegaskan dalam hadis yang kedua diatas. (Muhammad Qorib, 2020) Dalam kaedah fiqh, "hukum berlaku menurut ada atau tidak adanya 'illat". Jika ada 'illat, iaitu kondisi *ummi* (buta huruf) sehingga tidak ada orang yang dapat melakukan hisab (perhitungan astronomi), maka perintah rukyah itu berlaku dan relevan pada waktu itu. Sedangkan jika 'illat tidak ada (kerana sudah ada pakar hisab), maka perintah rukyah tersebut tidak relevan lagi untuk diamalkan.

Syeikh Dr. Yusuf Al Qaradawi menyebutkan bahawa rukyah yang disebut dalam hadis diatas bukan tujuan pada dirinya, melainkan ia hanyalah *wasilah* (cara atau jalan). Syeikh Muhammad Syakir, yang merupakan ulama hadis dari Mesir juga menegaskan bahawa menggunakan kaedah hisab untuk menentukan bulan Hijriah adalah wajib dalam semua keadaan, kecuali di tempat di mana tidak ada orang mengetahui atau mahir hisab (menghitung dengan ilmu astronomi). (Mufid, 2019)

**Ketiga:** *Al-'Illat Al-Ghaiyyah dan Maqasid Syariah*

Al-'illat al-Ghaiyyah adalah tujuan yang hendak diwujudkan menerusi suatu penetapan hukum. Dalam istilah lain ia merupakan Maqasid Syariah atau tujuan-tujuan dari diturunkannya hukum hakam Allah (Syarak) yang dicapai bagi kebaikan manusia. Ini bermakna, dari setiap hukum yang disyariatkan Allah, terdapat tujuan sebaliknya iaitu *maslahat* (kebaikan) untuk manusia samaada di dunia mahupun di akhirat. (Sahid, 2018)

Dalam perkara menentukan awal bulan Islam atau menyatukan kalendar Islam global dengan menggunakan kaedah Hisab (dan bukan rukyah), didapati itu lebih mendekati tujuan Syarak (Maqasid Syariah). Hal ini kerana, penyatuan kalendar Islam global yang tidak dapat direalisasikan kecuali dengan menggunakan kaedah Hisab (seperti yang disyorkan oleh para pakar dan ilmuan astronomi Islam sedunia semasa pertemuan di Maghribi bagi membincangkan penetapan unifikasi kalendar Islam Global pada tahun 2008.

Pesan yang terkandung di dalam alquran dan juga hadis berkaitan ibadah puasa dan haji yang sangat berkait rapat dengan penentuan awal bulan hijri menunjukkan bahawa penyatuan tarikh yang sama dalam memulakan puasa, hari arafah atau berhari raya (sama ada aidilfitri ataupun aidiladha) adalah tujuan dan keinginan semua orang Islam di seluruh pelosok dunia. Ini disamping tujuan untuk memudahkan urusan manusia dan yang lebih penting lagi adalah persatuan umat Islam yang menjadi

harapan dan matlamat umat islam. Inilah yang dimaksudkan dengan tujuan syarak atau Maqasid Syariah yang menjadi landasan utama hukum hakam dan ibadat orang Islam. (Al-Khadimi, 2014)  
Memelihara agama dan harta adalah diantara prinsip maqasid yang dicapai menerusi penyatuan awal bulan hijri dan juga unifikasi kalendar islam global. Ini kerana dengan dapat disatukannya kalendar islam tersebut, urusan keagamaan akan dapat diselaraskan dan dimudahkan. Tiada lagi perbalahan dan pertikaian diantara umat islam berkaitan awal puasa atau hari raya. Urusan sehari-hari masyarakat teratur dan lancar tanpa berlaku kekeliruan kerana wujudnya perbezaan tarikh atau awal mula ibadah di kalangan masyarakat muslim satu tempat ke tempat yang lain.

**Keempat:** *Kaedah Taghayyur al-Ahkam Bi Taghayyur al-Zaman* (Bawa, 2011)

Kaedah ini bermaksud bahawa hukum boleh berubah mengikut berubahnya zaman (Al-Zuhaili, 2006). Dalam isu yang diperdebatkan oleh umat Islam berkaitan dalil hadis yang menyebutkan cara menentukan awal waktu berpuasa Ramadhan dan Syawal, terdapat perbezaan pandangan dan penafsiran maksud hadis tersebut.

Tidak dinafikan bahawa kaedah yang digunakan pada zaman awal Islam (Nabi dan para Sahabat) dalam menentukan awal berpuasa atau berbuka adalah menerusi kaedah *Rukyah bashoriyah* (melihat anak bulan dengan mata kasar) dan bukan kaedah hisab iaitu dengan menghitung pergerakan bulan, bumi dan matahari.

Hukum atau Kaedah ini telah berubah mengikut perubahan zaman dengan perkembangan ilmu astronomi Islam (Falak) dan ramainya pakar di kalangan orang islam di seluruh dunia, bukan seperti di saat awal masyarakat Islam dahulu.

## KESIMPULAN

Dari penjelasan dan perbincangan diatas, disimpulkan bahawa keperluan akan wujudnya satu takwim atau kalendar Islam Global telah menjadi isu yang semua pihak bersepakat untuk segera diwujudkan. Tiada pihak manapun yang menafikan objektif dan kebaikan di sebalik penyatuan kalendar yang seragam di seluruh dunia untuk kegunaan urusan agama (ibadat) dan juga dunia. Bahkan tujuan menyatukan umat Islam (*Al-Wihdah Al-Islamiyah*) yang diimpikan oleh semua pihak, akan dapat direalisasikan dan dicapai dengan banyak jalan, yang salah satunya adalah menerusi penyatuan kalendar Islam Global ini.

Walaupun bagaimanapun, satu perkara yang masih menjadi cabaran bagi mencapai tujuan tersebut adalah bagaimana menyatukan dan menyeragamkan kaedah yang digunakan dalam menentukan permulaan bulan-bulan Hijrah. Dua (2) kaedah utama yang banyak dirujuk dalam menentukan awal bulan Hijrah adalah kaedah Rukyah dan Hisab. Disebabkan perbezaan dalam rujukan kaedah ini, telah menimbulkan polemik dan isu yang sehingga ke hari ini belum menemui titik kesepakatan mana satu yang perlu digunakan. Sebagai akibatnya, hampir setiap tahun berlaku perbezaan dalam memulakan ibadat seperti puasa Ramadan mahupun haji di antara umat Islam di seluruh dunia.

Menentukan permulaan awal bulan-bulan Hijrah menggunakan kaedah Rukyah atau dengan cara melihat anak bulan menerusi penglihatan mata kasar adalah satu kaedah yang dianggap tidak praktikal dan agak mustahil untuk menyatukan kalendar Islam global. Ini kerana, kaedah Rukyah tidak dapat menentukan tarikh jauh ke hadapan. Permulaan tarikh Hijrah baru dapat diketahui semasa proses mencerap (melihat) anak bulan. Kaedah ini juga menjadi punca umat Islam berbeza dalam memulakan awal bulan Hijrah kerana melihat anak bulan (Rukyah) pada saat bulan dapat dilihat (visibiliti awal) tidak meliputi seluruh permukaan bumi. Disamping isu-isu lain yang tidak memungkinkan untuk menentukan awal bulan Hijrah menggunakan kaedah Rukyah. Ini berbeza dengan menggunakan kaedah Hisab (kiraan astronomi dan matematik yang ketepatannya sangat tinggi). Kaedah Hisab ini dikatakan menjadi satu-satunya cara dalam menyelesaikan polemik dan kemelut perbezaan yang sering berlaku di pelbagai dunia Islam, iaitu dengan menyeragamkan dan menyatukan kalendar Hijrah.

Pandangan menggunakan kaedah Hisab sebagai rujukan menyatukan kalendar Islam global ini disokong dengan dalil dan keadah Usul Fiqh yang selari dengan prinsip-prinsip Islam dan tujuan Syarak (Maqasid Syariah). Kaedah dan dalil Usul Fiqh seperti hukum ber'illat (*ta'lim al-ahkam*), dalil tersirat (*dilalat al-isyarat*), *maqasid syariah*, dan perubahan hukum berdasarkan perubahan masa adalah diantara rujukan bagi menguatkan kaedah Hisab. Ini bukan bererti menafikan dan meninggalkan kaedah

Rukyah yang telah menjadi satu-satunya cara dalam menentukan permulaan bulan Hijrah di masa-masa awal perkembangan Islam (seperti pada zaman Nabi SAW dan para Sahabat). (Anwar, 2016a)

## RUJUKAN

- Al-Khadimi, N. (2014). *Ilm al-Maqasid al-Syariah* (5th ed.). Oebikan Publishing.
- Al-Zuhaili, M. M. (2006). *Usul Al Fiqh Al Islami* (2nd ed.). Wizarah Auqaf wa Syu'un Islamiyyah.
- al Maqdisi, I. al-Q. (n.d.). *Fathul Bari, Syarh Sahih al-Bukhari* (1st ed.). al matbaah al salafiyah.
- Angkat, A. (2017). Kalender Hijriah Global Dalam Perspektif Fikih. *Al-Marshad: Jurnal Astronomi Islam Dan Ilmu-Ilmu Berkaitan*, 3(2), 1–17. <https://doi.org/10.30596/jam.v3i2.1524>
- Anwar, S. (2016a). Al-Taqwim Al-Islami Al-Uhady Fi Dwai Usul Al-Fiqh. *Al-Jāmi'ah: Journal of Islamic Studies*, 54(1), 203–247.
- Anwar, S. (2016b). Unifikasi Kalender Hijriah Global Problem dan Tentangan. *Al-Marshad: Jurnal Astronomi Islam Dan Ilmu-Ilmu Berkaitan*, 2(2), 147–161. <https://doi.org/10.30596/JAM.V2I2.2548>
- Azhari, F. (2014). *Pemikiran Ulama tentang 'Illat Hukum (Suatu Kajian Ushul Fiqh)*.
- Bawa, M. A. (2011). The Principle: "Fatwa and Rulings may Change due to Changes in Time and Place", and its Contemporary Implementations. *Journal of College of Sharia & Islamic Studies*, 29(1). <https://journals.qu.edu.qa/index.php/sharia/article/view/147>
- Husna, A. H. (2022). Unifikasi Kalender Hijriah Nasional Menurut Perspektif Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama. *AL - AFAQ : Jurnal Ilmu Falak Dan Astronomi*, 4(1), 1–19. <https://doi.org/10.20414/AFAQ.V4I1.4169>
- Mufid, A. (2019). Unifikasi Kalender Hijriah Internasional dalam Perspektif Yusuf Al-Qaradawi. *HIKMATUNA: Journal for Integrative Islamic Studies*, 5(1), 71–83. <https://doi.org/10.28918/HIKMATUNA.V5I1.1856>
- Muhammad, A. A.-S. (2000). *Irsyad Al-Fuhul Ila Tahqiq Al-Haq Min Ilm Al-Usul* (1st ed.). Daru Al-Fadhilah.
- Muhammad Qorib. (2020). Penetapan Awal Bulan Kamariah Menurut Hisab dan Rukyat. *Prosiding Observatorium Dan Astronomi Islam*, 1(1), 88–102.
- Nawawi, M. S. A. M., Man, S., Zainuddin, M. Z., Wahab, R. A., & Zaki, N. A. (2015). SEJARAH KRITERIA KENAMPAKAN ANAK BULAN DI MALAYSIA (History of the Criteria for Lunar Crescent Visibility in Malaysia). *Journal of Al-Tamaddun*, 10(2), 61–75. <https://sare.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8690>
- Sahid, M. M. (2018). *Muzakkirah Fi Maqasid Syariah* (1st ed.). Penerbit USIM.
- Shazwani, S., Mohamed, S., Azli, I., & 1&2, I. \*. (2023). Definisi Rukyah Berdasarkan Analisis Kenampakan Hilal Ramadan dan Syawal di Negara Brunei Darussalam [The Definition of Rukyah Based on Analysis Visibility of Crescent for Ramadan and Syawal in Brunei Darussalam]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 6(2), 185–200. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/377>
- Syarif, M. R. (2018). Diskursus Perkembangan Formulasi Kalender Hijriah. *Elfalaky*, 2(1), 48–61. <https://doi.org/10.24252/IFK.V2I1.14158>